

TAHAP KEFAHAMAN KRITERIA DAN MASALAH GURU TERHADAP PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN KERJA KURSUS KEMAHIRAN HIDUP (KT) DI DAERAH SEGAMAT, JOHOR

Abd Wahid Bin Mukhari & Yuszaida Binti Yusof
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Tujuan kajian deskriptif ini di jalankan adalah untuk meninjau tahap kefahaman kriteria dan masalah guru terhadap penilaian dan pentaksiran kerja kursus kemahiran hidup (KT) Daerah, Segamat Johor. Soal selidik telah dipilih sebagai instrumen kajian dan telah diedarkan kepada 52 orang guru yang mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup (Kemahiran Teknikal) di sekitar Sekolah Menengah Daerah Segamat, Johor. Analisis dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Data di analisis menggunakan SPSS (Statistical Package for The Social Services) versi 16.0. Kajian rintis telah dijalankan keatas 9 orang guru yang mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup (Kemahiran Teknikal) di sekitar Sekolah Taman Daya bagi mendapatkan kebolehpercayaan item soal selidik dan nilai *alpha cronbach* yang di perolehi ialah 0.982. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru KHB mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dan masalah utama yang di hadapi oleh guru ialah pelajar kurang menguasai elemen dalam kemahiran yang hendak di terapkan. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di peringkat PMR.

ABSTRACT : The purpose of this descriptive research is to observe the level of criteria's understanding and the teacher's problem during the implementing of Living Skill assessment coursework (Technical Skill) at Segamat District, Johor. The questionnaire are chosen as research instrument and were distributed to 52 teachers that teach the subject Living Skill (Technical Skill) around Secondary School Segamat District, Johor. The finding analyses are presented in form of frequencies, percentage and mean by using SPSS (Statistical Package for The Social Services) version 16.0. The pilot test has been done into 9 teachers were teach the subject Living Skill (Technical Skill) around Secondary School Taman Daya to get the validity of questionnaire and the value of alpha cronbach's is 0.982. The research finding showed among teachers have been high level of understanding while implementing Living Skill Integrated (KHB) assessment coursework and the main problem teachers are face it is student less dominate the element in skill were want to empowered. Based on finding, several suggestions are presented to increase the effectiveness of implementing assessment coursework of living skill on PMR level.

Katakunci : *tahap kefahaman kriteria, masalah guru, kerja kursus kemahiran hidup (KT)*

PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu

pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Falsafah Pendidikan Kebangsaan).

Matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup bersepadu adalah untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian (Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup, 2002). Justeru itu, system penilaian dan pentaksiran amat berkait rapat dengan matlamat yang hendak dicapai dalam mata pelajaran kemahiran hidup bagi memastikan para pelajar bergerak seiring dengan kemajuan teknologi.

Menurut Jamil Adimin (2006), peperiksaan dikatakan menyebabkan anak-anak belajar dan guru-guru mengajar tidak seperti sepatutnya iaitu berdasarkan kurikulum dan sukatan pelajaran yang di bekalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum tetapi mengikut peperiksaan. Di sebabkan itu, hal-hal seperti sahsiah, akhlak, nilai murni budi pekerti, penampilan diri, kekuatan jasmani, rohani emosi dan sosial sukar atau tidak mungkin dapat di taksir sepenuhnya menggunakan peperiksaan. Adakah falsafah pendidikan kebangsaan telah di laksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam penilaian dan pentaksiran kerja kursus Kemahiran hidup di sekolah?

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui Tahap Kefahaman Ke Atas Kriteria dan Masalah Guru Terhadap Penilaian dan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup (Kemahiran Teknikal) Di Sekolah Daerah Segamat, Johor.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengetahui Persepsi Guru Terhadap Penilaian dan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Di Sekolah Daerah Segamat, Johor. Fokus kajian ini adalah bertujuan untuk:-

1. Mengetahui sejauhmanakah guru-guru di beberapa buah sekolah menengah di Daerah Segamat berkefahaman terhadap kriteria penilaian dan pentaksiran kemahiran hidup mengikut buku panduan yang dibekalkan.
2. Untuk mengenal pasti masalah-masalah yang di hadapi oleh guru-guru Kemahiran Hidup semasa pengendalian penilaian dan pentaksiran kerja kursus Kemahiran Hidup.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini banyak memberi manfaat bagi menghadapi masalah yang membelenggu pelajar dewasa ini, amnya apabila tercetus isu belajar hanya untuk lulus peperiksaan namun hakikatnya tiada bekalan yang berguna dapat di guna pakai bagi melahirkan modal insan yang benar-benar berkualiti. Kajian ini juga dapat mengetahui sejauh mana perkembangan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar hasil daripada sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung dalam kelas dan mengetahui keupayaan seorang guru dalam melahirkan modal insane yang berjiwa seni dan mempunyai pelbagai kemahiran berguna. Di

samping, mempunyai budi pekerti yang mulia sejajar dengan budaya timur yang menjadi pegangan rakyat Malaysia.

Selain itu, kajian ini banyak memberi panduan kepada pihak-pihak tertentu di dalam meneliti kelemahan serta memperbaikinya. Ianya adalah untuk:-

1. Memberi panduan yang berguna kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyusun semula kurikulum dan perancangan pendidikan agar mewujudkan sekolah yang selamat dan berkesan.
2. Mengelakkan persaingan dalam kalangan pelajar tetapi dapat mewujudkan semangat kerjasama untuk mencapai kecemerlangan. Memberi peluang kepada pihak sekolah untuk memperbaiki atau megatur semula program di sekolah dan pemantapan pelajar bagi mengatasi permasalahan pencapaian akademik di dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar.
3. Bagi ibu bapa, dapat megurangkan beban tekanan belajar berorientasikan peperiksaan semata-mata bagi anak-anak mereka dan memperbaiki hubungan diantara kedua-dua belah pihak dan dapat memberi impak yang positif pada masa yang akan datang.

Dengan ini adalah di harapkan sekolah menjadi salah satu tempat untuk pelajar menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan dan kemahiran yang cukup berguna kepada mereka. Di samping dapat melahirkan modal insan yang cukup berkualiti dari segi sahsiah dan intelektual. Sekolah juga akan menjadi tempat yang selamat dan berkesan untuk mengikuti pendidikan dan sekaligus melahirkan generasi akan datang yang unggul dan berwawasan.

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Penyelidik memilih beberapa buah sekolah menengah harian di daerah Segamat, Johor bagi menjalankan kajian ini. Sekolah-sekolah yang dipilih merupakan sekolah yang di dapati menjalankan penilaian dan pentaksiran bagi kerja kursus Kemahiran Hidup dan menjalankan kaedah Manual Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Responden dalam kajian ini dibataskan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup aliran elektif Kemahiran Teknikal. Guru-guru yang terlibat juga terdiri daripada guru perempuan dan guru lelaki yang mengajar di seluruh Daerah Segamat, Johor. Bilangan sekolah yang terdapat di Daerah Segamat ialah sebanyak 23 buah sekolah dan guru yang mengajar Kemahiran Hidup (KT) ialah seramai 60 orang, hanya 52 orang sahaja yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan ini.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengetahui kefahaman dan masalah guru terhadap penilaian dan pentaksiran kerja kursus Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Daerah Segamat Johor. Aspek yang ingin di kaji ialah tahap kefahaman guru terhadap kriteria yang terdapat dalam dokumen pentaksiran kerja kursus serta masalah-masalah sepanjang penilaian dan pentaksiran berlangsung.

Bentuk kajian yang akan di jalankan ialah penyelidikan deskriptif berbentuk kajian tinjauan. Menurut Mohd Yusof (1996), kajian deskriptif adalah kajian yang mengkaji peristiwa atau fenomena pada masa sekarang yang melibatkan penerangan, pemerhatian, analisis, perbandingan dan perkaitan.

Kajian ini melibatkan 1 set borang soal selidik yang dibahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A meliputi soalan berkaitan dengan latar belakang responden, manakala bahagian B meliputi soalan berkaitan kefahaman terhadap aspek mengikut kriteria yang telah ditetapkan dalam dokumen pentaksiran dan bahagian C pula mempersoalkan masalah yang sering dihadapi oleh guru semasa proses pentaksiran berlangsung. Bahagian C melibatkan 2 bentuk soalan iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka. Ketiga-tiga bahagian akan di jawab oleh responden yang terdiri daripada ketua panitia dan guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) yang mengajar Kemahiran Teknikal di Daerah Segamat.

PERSAMPELAN

Memandangkan populasi kajian adalah terlalu besar, kaedah persampelan di ambil bagi memudahkan persampelan. Sampel adalah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi atau sebaliknya (Azizi *et al*, 2007).

Penyelidik menggunakan teknik persampelan daripada jadual Krejcie, R.V Morgan D.W (Azizi *et al*, 2007:17) (rujuk lampiran F) yang menunjukkan kadar menentukan jumlah sampel daripada populasi. Maka seramai 60 orang responden yang terlibat hanya 52 orang sahaja yang di jadikan sampel kajian.

INSTRUMEN KAJIAN

Menurut Azizi *et al*, (2007), Instrumen kajian ialah alat pengumpul data seperti ujian, soal selidik, pemerhatian, skala penilaian, skala sikap, sosiometri, wawancara dan lain-lain. Menurut Mohd Majid (1998), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan. Ini kerana hasil liputan yang luas dan cara ringkas untuk mendapatkan maklumat kerana dapat mengukur lebih banyak subjek di samping menjimatkan masa, belanja dan tenaga (Yusof, 2007). Dalam kajian ini instrument yang di gunakan ialah borang soal selidik yang mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C.

ANALISIS

Rumusan hasil dapatan kajian bahagian latar belakang responden adalah seperti berikut:-

- 1) Bilangan responden adalah seimbang antara responden lelaki dan perempuan.
- 2) Majoriti guru yang mengajar Kemahiran Hidup (KT) berkelulusan ijazah pendidikan iaitu seramai 38 orang (73.1%).
- 3) Kebanyakan responden ini mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun dengan di wakili seramai 22 orang (42.3%).
- 4) Manakala bagi menghadiri kursus pelaksanaan kerja kursus hanya di wakili oleh 37 orang (71.2%) sahaja.

Daripada jumlah keseluruhan dapat di perhatikan majoriti guru adalah faham dengan kandungan kriteria penilaian yang telah di sediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dengan di wakili oleh 91.6% faham, 7% kurang faham dan hanya 1.9% sahaja yang masih tidak faham dengan kandungan kriteria tersebut. Secara purata nilai min keseluruhan berada pada aras tinggi iaitu 4.4.

Manakala bagi aspek yang mempunyai peratus faham yang tertinggi ialah aspek pendokumentasian dengan di wakili oleh 98.1%. Bagi kurang faham pula jatuh pada aspek menghasilkan lukisan hampan dan lukisan keratan penuh dengan di wakili 14% masing-masing. Peratusan tidak faham tertinggi pula di wakili oleh aspek penghasilan projek (elektronik) sebanyak 5.1%.

Bagi peratusan faham terendah pula jatuh pada aspek menghasilkan lukisan hampan dan menghasilkan lukisan keratan penuh sebanyak 82.2% sahaja masing-masing. Seterusnya bagi kurang faham yang terendah jatuh pada aspek pendokumentasian dengan tiada peratusan kurang faham.

Bagi nilai min pula kesemua kriteria yang di uji di bawah aspek yang berbeza mempunyai tahap skor tinggi.

Secara keseluruhan seramai 49.7% mengatakan “ya” terhadap masalahmasalah yang telah di kemukakan, 40.7% mengatakan “tidak” dan hanya 9.62% sahaja yang mengatakan semua masalah yang di kaji tidak berkaitan dengan masalah responden.

Antara masalah yang paling kerap di hadapi oleh para guru ialah pelajar kurang menguasai elemen dalam kemahiran yang hendak di terapkan dengan di wakili oleh seramai 39 orang (75%) mengatakan ya, 11 orang mengatakan tidak dan 2 orang (3.8%) pula mengatakan ianya tidak berkaitan dengan masalah yang di hadapai.

Bagi pernyataan kekerapan tertinggi bagi elemen “ya” ialah masalah ke 35 iaitu terdapat pelajar kurang menguasai elemen dalam kemahiran yang hendak di terapkan seramai 39 orang, manakala bagi elemen “tidak” diwakili oleh 44 orang bagi masalah ke 22 iaitu guru sukar mengawal pelajar semasa proses pentaksiran berlangsung dan seramai 10 orang bagi “tidak berkaitan” bagi masalah guru menghadapi situasi dimana tidak dapat mengambil skor setiap pelajar secara terperinci kerana bilangan pelajar ramai.

Bagi masalah yang terendah sekali di hadapi oleh para guru ialah kesukaran untuk mengawal pelajar semasa proses pentaksiran berlangsung dengan di wakili oleh 3 orang sahaja yang mengatakan “ya”, 11 orang pula mengatakan “tidak” pada masalah pelajar lewat kekelas seterusnya selepas aktiviti amali dan pelajar kurang menguasai elemen dalam kemahiran yang hendak di terapkan. Bagi kelas “tidak berkaitan” terendah pula di wakili 2 orang sahaja bagi masalah pelajar kurang menguasai elemen dalam kemahiran yang hendak di terapkan.

Bagi masalah yang mempunyai kekerapan yang sama ialah Pelajar kadangkala lewat kekelas seterusnya setelah melaksanakan aktiviti amali Kemahiran Hidup menyebabkan guru subjek lain merungut dan guru mempunyai masa yang terhad untuk melaksanakan pentaksiran disebabkan

kandungan sukatan pelajaran yang banyak perlu di habiskan masing-masing di wakili oleh 36 orang (69.2%). Merupakan 2 masalah yang kedua tertinggi d hadapi oleh guru sepanjang pelaksanaan PBS.

RUMUSAN

Daripada hasil dapatan tahap kefahaman guru terhadap kriteria penilaian dan pentaksiran Kemahiran Hidup mengikut buku panduan yang di bekalkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu perkara ini seharusnya tidak berlaku kerana masih ada lagi guru yang masih belum menguasai kriteria-kriteria tersebut. Ini akan memberikan kesan kepada penyampaian ilmu kepada pelajar dan pemberian markah. Kemahiran dan pengetahuan itu pula perlu ditingkat dan dikemaskinikan sesuai dengan perubahan semasa dan tuntutan perkembangan ilmu itu sendiri (Shahril dan Habib, 1999). Pengajar perlu memanfaatkan dorongan ingin tahu pelajar yang bersifat semula jadi dengan cara menyajikan bahan pelajaran yang sesuai dan berguna bagi pelajar serta memberikan pelbagai kesempatan agar pelajar berupaya berprestasi secara maksimum (Mohd. Shatar Sabran, 2005). Menurut Mohd Azidan (2006), martabat guru amat tinggi kerana guru berperanan mengajar dan mendidik pelajar dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan dengan matlamat menjadikan pelajar insane yang berguna kepada agama, bangsa dan negara suatu hari nanti.

Penghasilan lukisan hamparan dan lukisan keratan penuh merupakan aspek yang mempunyai tahap kefahaman yang terendah. Ini kerana penguasaan yang kurang terhadap konsep menyukarkan guru dalam membuat penilaian. Tugas-tugas guru merangkumi sebagai fasilitator, pengurus pembelajaran, perancang, pengembang dan pengukuh penguasaan kemahiran, pembentuk akhlek, pembimbing sebagai contoh tauladan kepada para pelajar (Shahril dan Habib, 1999). Menurut Sabri Ahmad (1997), berkaitan pengetahuan penyampai, jika penyampai cetek pengetahuannya mengenai maklumat yang cuba di sampaikan, maka pendengar akan berasa bosan dan tidak berminat untuk mendengar. Sekiranya ini berlaku ia akan memberi kesan kepada pencapaian pelajar.

Manakala bagi pemasangan litar, membanding beza antara litar siri dan litar selari, penghasilan projek elektronik dan memateri memerlukan teknik yang betul, memahami konsep dan objektif bagi sesuatu projek yang akan di lakukan dan mengenal komponen-komponen yang terlibat agak menyukarkan guru membuat penilaian terutama bagi guru-guru yang baru sahaja mengajar. Justeru itu, guru-guru seharusnya mendalami konsep dan objektif kerja kursus bagi sesuatu projek sebelum menjalankannya, ini penting bagi memberi kekonsistenan pada penilaian bagi setiap pelajar yang berbeza tahap kebijakkannya.

Ada sebilangan guru mengatakan kerja kursus terlalu banyak bidang yang perlu dinilai terutama tingkatan 2, ini akan membebaskan pelajar dan guru dari segi masa perlaksanaan. Pengurusan masa yang bijak oleh pendidik dapat mengelakkan berlakunya pertindihan jadual waktu pelajar. Secara tidak langsung hal ini dapat membantu para pelajar memberikan penguasaan dan tumpuan terhadap pelajaran yang diajar secara teratur dan lebih berkesan (Mohammad Shatar et al, (2006). Namun begitu masalah tersebut boleh diatasi dengan mengurangkan kriteria-kriteria yang tertentu. Tambahan pula tahap pemikiran atau kefahaman pelajar tidak sama dan ini memberikan kesukaran kepada pelajar yang lemah.

Selain itu, kurangnya komunikasi antara pelajar dan guru menyebabkan pelajar kurang menguasai elemen dalam kemahiran yang hendak di terapkan. Berkomunikasi ialah proses bagaimana pendidik menyampaikan pengetahuan dan juga berkongsi pengalaman dengan pelajarnya dengan lebih berkesan dan kebolehan berkomunikasi sangat penting memandangkan pendidik perlu berhadapan dengan pelajarnya setiap hari dalam suasana keilmuan (Mohammad Shatar, Jasni, Azali, 2006).

Guru-guru digalakkan untuk mengenal pasti masalah dan keperluan mereka sendiri berdasarkan pengalaman mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kemudian merancang bagi menyelesaikan masalah yang sedang di hadapi itu (Omar Mohd. Hashim, 1993). Selain itu, masalah ini juga datang daripada diri pelajar seperti yang diterangkan oleh Mooney dan Price dalam Sabri Ahmad (2003), masalah yang banyak dihadapi oleh pelajar ialah tidak tahu cara belajar yang berkesan dan tidak dapat menumpukan perhatian yang baik dan ini menyebabkan mereka gemar ponteng kelas. Ini akan memberi kesan kepada aktiviti amali seperti meniru, tidak mengambil bahagian aktif dalam melakukan kerja amali dan tidak mempunyai disiplin yang tinggi terhadap ketetapan masa untuk tugas mereka dan mendatangkan masalah kepada guru pula.

RUJUKAN

- David Payne (2003), *Applied Educational Assessment* Edisi Kedua, Portal Pendidikan Utusan.
- Pentaksiran `diinsankan' dan `dimesrakan' (jurnal) Marzita Abdullah, laporan khas pendidikan 2006-2010
- Pentaksiran berasaskan sekolah : Kerja kursus, sahsiah dan sukan mulai 2008 Perutusan Tahun Baru 2008 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya
- Kundalasingh, R (2000), *Kursus Mengajar Strategi Pembelajaran* Perpustakaan Sultanah Zanariah. Tidak diterbitkan.
- Esah, Sulaiman (2003), *Modul Pengajaran Asas Pedagogi* Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Cetak Ratu Sdn. Bhd
- Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof dan Abdul Rahim (2007), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*, PTS Professional.
- Robiah Sidin (1998), *Pemikiran Dalam pendidikan* Selangor Darul Ehsan: Penerbit Fajar Bakti.
- Shahril dan Habib (1999), *Isu Pendidikan Di Malaysia Sorotan Dan Cabaran* Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Abu Bakar (1986), *Asas Penilaian Pendidikan* Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn.Bhd
- Abdul Fatah (1985), *Pengukuran Pendidikan* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Mohammad Shatar, Jasni, Azali (2006), *19 Tip Pendidik Cemerlang* Selangor Darul Ehsan: Utusan Printcorp Sdn.Bhd
- Omar Mohd Hashim (1993), *Pendidikan : Persoalan, Penyelesaian dan Harapan* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sabri Ahmad (1997), *Menuju Kecemerlangan Belajar* Selangor : Masterpiece Publication Sdn. Bhd
- Mohd Azidan Abdul Jabar (2006), *Siri Motivasi Dan Kecemerlangan Utusan : Cemerlang Gemilang Dan Terbilang* Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd
- Mohamad Shatar Sabran (2005), *7 Rahsia Kecemerlangan Akademik* Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd

- Sabri Ahmad (2003), *Siri Pengajian Dan Pendidikan Utusan : Kemahiran Belajar Berkesan*
Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd
- Mohd Najib (1995), *Pengerak Minda Pendidikan* Jurnal pendidikan UTM, Jilid 1, Bilangan 1,
April 1995, hal 16-21
- Azizi (2007), *Penggunaan Model KIPP Dalam Penilaian Matapelajaran Kemahiran Hidup Di
Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia* Jurnal Pendidikan UTM
- Abu Hussain (1997), *Masalah Pengajaran Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Rendah
Di Selangor Dan Wilayah Persekutuan* Jurnal Pendidikan Jilid 2 Bahagian 1
- Zamiyah (2008), *Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di
Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Kuantan, Pahang* Universiti Teknologi Malaysia:
Tesis Sarjana Muda, Tidak diterbitkan.
- Universiti Teknologi Malaysia (2002). *Panduan Menulis Tesis Universiti Teknologi Malaysia.*
Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.